

SULIT



Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2019/2020

Disember 2019 / Januari 2020

HSM502 – Sejarah Politik Malaysia

Masa : 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** (3) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** (3) soalan. Sekurang-kurangnya SATU (1) soalan mesti dijawab daripada setiap Bahagian A dan B.

...2/-

SULIT

- 2 -

Bahagian A

1. Sejauh manakah anda bersetuju dengan pandangan J. M. Gullick dalam bukunya *Indigenous Political System of Western Malaya* (1960) tentang sifat-sifat sistem politik peribumi yang wujud di negeri-negeri Melayu pantai barat pada kurun ke-19?

[100 markah]

2. "Nasionalisme dalam pengertian yang sebenar tidak pernah wujud di Tanah Melayu sehingga menjelang pendudukan Jepun. Tentangan-tentangan awal masyarakat peribumi terhadap campurtangan asing sebelum 1941 lebih didorong oleh kepentingan diri dan sikap kepimpinan tradisional yang tidak mahu menerima perubahan." Bahaskan pernyataan tersebut.

[100 markah]

3. "Perlembagaan Rakyat 1947 yang dicadangkan oleh gabungan PUTERA-AMCJA lebih mencerminkan kehendak bukan Melayu serta pengaruh anasir Parti Komunis Malaya (PKM) berbanding usaha mewujudkan satu bentuk bangsa bersatu berteraskan sejarah dan pengiktirafan terhadap hak-hak orang Melayu." Nilaikan pernyataan tersebut.

[100 markah]

- 3 -

Bahagian B

4. "Meskipun Malayan Union semakin menyemarakkan penglibatan wanita Melayu dalam aktiviti politik, perkembangan tersebut tidak bermaksud struktur budaya, pengaruh dan norma-norma yang mengawal hubungan gender termansuh sepenuhnya dan wanita Melayu dapat menikmati peluang yang besar dalam bidang politik. Halangan utama yang terpaksa ditempuhi oleh aktivis-aktivis politik wanita pada waktu itu datang daripada masyarakat Melayu itu sendiri" (Syed Muhd Khairudin Aljunied, 2015).

Dengan merujuk kepada penglibatan wanita dalam *Angkatan Wanita Sedar* atau AWAS (1945-1948), sejauh manakah anda bersetuju dengan pernyataan tersebut.

[100 markah]

5. "Darurat bukanlah sepenuhnya berpunca daripada keimbangan British terhadap ancaman komunis sebaliknya merupakan satu reaksi British bagi menghadapi ancaman gerakan nasionalis kiri-agama". Setujukah anda dengan pernyataan tersebut?

[100 markah]

6. Bagi sesetengah sarjana, pemisahan Singapura dari Malaysia pada tahun 1965 menunjukkan ketidakupayaan Tunku Abdul Rahman dan Kerajaan Malaysia mengawal hubungannya dengan Singapura. Bahaskan.

[100 markah]

- oooOooo -